



BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI
JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN RASAH 70300 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

TELEFON : 06-7664800
FAX : 06-7646148



Ruj. Kami: JKNNS.BPF.700-3/5 Jld. 4 (43)
Tarikh: 6 Februari 2017

Yang DiPertua,
Majlis Daerah Nilai,
No.1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan,
Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai,
71800 Nilai,
Negeri Sembilan.
(Unit Pelesenan)

Tuan,

**ULASAN DAN PANDANGAN ATAS PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DALAM KAWASAN
MAJLIS DAERAH TAMPIN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat MPN 410/28/2016/5 (22) bertarikh 1 Februari 2017 mengenai perkara di atas.

2. Satu permohonan telah dibuat oleh syarikat **Asia Subway Human Resources Sdn Bhd** dan didapati bahawa perniagaan yang bakal dijalankan ialah kilang pembuatan cecair vape.
3. Dengan ini dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat kesimpulan bahawa penggunaan rokok eletronik dan vape secara berleluasa merupakan fenomena yang perlu ditangani pada masa kini. Kajian-Kajian tersebut membuktikan bahawa penggunaan rokok eletronik boleh menyebabkan ketagihan dan bergantung kepada nikotin. Ia juga merupakan satu *gateway* kepada mereka yang tidak merokok untuk memulakan amalan merokok. Pengguna rokok eletronik berisiko untuk terlibat di dalam penyalahgunaan bahan-bahan terlarang yang dicampurkan di dalam cecair rokok eletronik.
4. Penggunaan rokok eletronik telah terbukti mendatangkan kesan sampingan seperti penyempitan salur darah, kenaikan tekanan darah, radang kepada saluran pernafasan dan sebagainya. Kesan-kesan sampingan ini bukan sahaja memberi kesan kepada penggunaannya malahan kepada orang di sekeliling. Wap yang dihembus keluar oleh pengguna rokok eletronik merupakan wap yang mengandungi partikel yang sangat halus dan mampu memenuhi rongga pernafasan mereka yang berada di sekeliling.
5. Pihak kami tiada halangan permohonan bagi perniagaan yang melibatkan cecair vape tanpa nikotin. Walaubagaimanapun tindakan akan diambil sekiranya terdapat pelanggaran dilakukan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

(TN HJ ABDUL HALIM BIN ABDUL HAZIZ)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi),
b.p Pengarah Kesihatan Negeri,
Jabatan Kesihatan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

mhm/17-